

# Bekalan ikan musim tengkujuh cukup

#M 16/10/2014 pg 20

**Kota Bharu:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan di seluruh negara mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL).

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan sepanjang MTL dengan menaikkan harga ikan.

Menurutnya, situasi semasa bekalan ikan mencukupi dan tidak sepatutnya berlakukenaikan harga memandangkan peniaga dapat mengimport bekalan ikan tertentu dari Thailand dan India.

"Apa yang saya nak tekankan adalah bekalan ikan mencukupi dan yang menjual ikan peniaga bukannya nelayan.

"Mereka (peniaga) boleh import bekalan ikan dari negara luar termasuk Thailand dan India kerana kita sendiri yang memberi lesen import berkenaan.

"Sehingga kini, 2,664 lesen import aktif dikeluarkan LKIM kepada peniaga dan melalui import berkenaan menjadikan bekalan ikan mencukupi termasuk musim MTL ketika nelayan tidak dapat turun ke laut.

"Justeru, orang ramai tidak perlu gusar kerana bekalan ikan mencukupi. Namun kita akui bekalan ikan segar di negeri tertentu berkurangan memandangkan nelayan tidak dapat turun ke laut, namun negeri tidak terjejas dengan MTL, bekalan mereka tiada masalah," katanya.